

30/09/2001

Dr M nasihat parti komponen

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan parti komponen Barisan Nasional (BN) mengurangkan persaingan sesama sendiri atau cuba menonjolkan diri sebagai juara kaum masing-masing kerana sikap itu boleh melemahkan BN.

Perdana Menteri berkata, mereka sebaliknya perlu merapatkan hubungan dan menumpukan kepada usaha mengekalkan pemerintahan kerajaan BN supaya lebih banyak pembangunan dapat dilaksanakan.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, persaingan dalam parti juga perlu dipastikan bersih dan tidak menjurus kepada perpecahan yang bukan saja akan melemahkan parti itu tetapi juga BN.

"Sekali lagi ingin saya tekankan bahawa kejayaan BN membawa kejayaan kepada kita semua. Sebaliknya jika kita terlalu berlumba untuk menjadi popular, tidak dapat tidak BN akan berpecah.

"BN yang berpecah tentu akan lemah dan tidak akan dapat memajukan negara. Kita semua tentu akan rugi," katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) di sini semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Mahathir berkata, konsep BN yang diamalkan dalam negara majmuk seperti Malaysia adalah sesuatu yang unik di dunia kerana semua pihak mendapat layanan tetapi pada masa sama perlu membuat sedikit pengorbanan.

Perdana Menteri berkata, umpamanya di Malaysia sekolah aliran Cina dibenarkan wujud tetapi kandungan kurikulum di sekolah berkenaan adalah mengikut sistem kebangsaan.

"Saya ingin ingatkan bahawa tidak ada negara lain selain China dan Taiwan yang secara rasmi mengiktiraf hak orang keturunan Cina seperti yang terdapat di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan parti komponen BN bahawa parti pembangkang sentiasa cuba memainkan isu perkauman dan agama untuk menguji kesetiaan parti tertentu terhadap konsep bertolak ansur dalam BN.

Perdana Menteri berkata, isu sekolah Cina seperti yang hebat dimainkan parti pembangkang tidak lama dulu hanya bertujuan memisahkan parti kaum Cina daripada kaum Melayu.

"Jika kita tidak berjaga-jaga, kita boleh terperangkap dengan cuba berlawan dengan parti lawan siapa yang lebih mendokong hak kaum kita," katanya.

Menyentuh isu keganasan dan gerakan militan, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus kekal sebagai negara demokrasi dengan rakyat berbilang kaum berhak menentukan siapa yang akan memerintah.

Justeru, kata Perdana Menteri, tidak ada sebab untuk pihak yang tidak berpuashati serta menolak demokrasi perlu menggunakan kekerasan untuk merebut kuasa di negara ini.

"Jika kerana marah terhadap sesuatu mereka sengaja menolak yang baik dan memilih parti yang tidak dapat mentadbir negara dengan cekap, maka yang akan jadi mangsa ialah rakyat sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, lebih buruk lagi ialah apabila mereka memilih parti yang disokong kumpulan militan yang berpendapat bahawa demokrasi bukan sistem Islam dan mendirikan kerajaan daripada sekumpulan orang yang mendakwa sebagai ulama.

Perdana Menteri berkata, di bawah pemerintahan kerajaan sedemikian, kumpulan orang yang sama itu jugalah yang akan memutuskan semua dasar dan undang-undang negara.

"Saya ingin mengingatkan DAP supaya jangan bermain api. Kawan mereka kurang percaya kepada demokrasi. `Democratic action' akan hapus jika kawan mereka memerintah.

"Diharap perpisahan DAP daripada Barisan Tiruan bukanlah satu sandiwara," katanya merujuk pergolakan serta kegagalan parti pembangkang meniru konsep BN.

(END)